

BAHASA ARAB DIMINTA DIJADIKAN BAHASA PERSATUAN ISLAM

Agha Khan ketua kaum Ismailiyyah yang terkenal itu telah memberi suatu ucapan yang bernas di dalam Muktamarr al-Alam al-Islami pada Februari yang lalu di Karachi di atas mauduk menuntut dengan memberi keterangan-keterangan dan mehebah yang tepat supaya bahasa Arab itu dijadikan bahasa kebangsaan Pakistan bagi menggantikan bahasa Urdu dan juga menghidupkan bahasa Arab itu dijadikan bahasa perantaraan umat-umat Islam di seluruh dunia yang dengannya akan dapat lagi merapatkan ukhwah di antara umat Islam yang telah beberapa lamanya berjauhan-berjauhan di antara satu sama lain yang diterbitkan dengan berbagai-bagai dan berlain-lainan pertadbiran dan adat resamnya pula. Ucapan Agha Khan itu dengan penuhnya dipeturunkan di bawah ini :-

Saya rasa bahkan saya mengaku akan besarnya soal yang saya hendak bentangkan di hadapan tuan-tuan pada malam ini. Saya percaya soal ini menyebabkan beberapa orang yang berpengaruh di dalam negara ini akan berasa marah. Tetapi saya akan menjadi seorang yang derhaka kepada agama saya Islam kalau saya membiarkan peluang yang berharga ini terlepas dengan tidak saya memberi fikiran di hadapan ahli-ahli kerajaan Islam yang gagah perkasa dan maha luas ini.

Soal ini yang menjadi kewajipan bagi saya menghebahnya kepada seluruh umat Islam adalah mempunyai alasan (hujah-hujah) yang terang iaitu meskipun ucapan saya ini pendek sahaja. Saya takut setengah daripada alasan-alasan ini akan menyakiti mereka yang pada suatu masa – berada di dalam keadaan yang berlainan daripada keadaan yang ada sekarang ini – yang mereka telah menghabiskan umur mereka mempelopori soal yang saya percaya kepentingannya telah hampir-hampir terhapus disebabkan beberapa kejadian yang tidak pernah dimimpikan pada masa yang lalu telah menindasnya.

Bahasa sesuatu umat itu bukan sahaja menjadi jalan bagi memperdengarkan suaranya tetapi juga menjadi perhubungan di antaranya dengan penduduk-penduduk dunia yang lain. Saya berharap dengan sepenuh-penuh harapan kepada saudara-saudara saya Muslimin Pakistan janganlah hendaknya terburu-buru menyetujui bahasa Urdu menjadi bahasa kebangsaan Pakistan, bahkan bahasa yang sesuai, dan patut dipilih oleh tuan-tuan ialah bahasa Arab.

Saya berharap kiranya tuan-tuan sudi mendengar sekali alasan-alasan saya ini:

Yang pertamanya pada menentang bahasa Urdu dijadikan bahasa kebangsaan ialah: Kalaulah Republik India yang menjadi jiran itu telah mengambil bahasa ini sebagai bahasa kebangsaan, maka akan tepat pilihan tuan-tuan kiranya menurut jejaknya dan titik perhubungan dengan kerajaan republik yang maha luas itu.

Tuhan menjadi saksi, bahawa bukanlah tujuan saya hendak memutuskan perhubungan di antara India, dan Pakistan tetapi keadaan yang sedang berlaku di sana wahai saudara-saudara - ialah bahawa bahasa Hindu telah menggantikan tempat bahasa Urdu sebagai suatu bahasa kebangsaan.

Penduduk India berhak memilih sebarang bahasa yang mereka kehendaki kalau di sana golongan yang terbesar berpendapatan bahawa bahasa itu bersesuaian baginya dan mempunyai perkataan dengan sejarah lamanya. Tetapi pemilihan tuan-tuan di Pakistan bagi bahasa Urdu bukanlah pilihan yang sebaik-baiknya dan tidak akan dapat merapatkan perhubungan tuan-tuan dengan negara-negara yang menjadi jiran, serta tidak akan member pertolongan kepada kaum Islam yang tersedikit jumlahnya di sana dengan pertolongan yang semestinya. Walau bagaimanapun kita menambah kalimah-kalimah Arab dan Parsi kepada bahasa Urdu itu tetapi tidak dapat menidakkan bahawa jalan bahasanya dan asasnya ialah bahasa Hindu bukan

bahasa Arab.

Adakah agaknya bahasa Urdu itu menjadi bahasa orang Islam India pada ketika kebesaran mereka yang gilang gemilang? Tidak, ia tidak diiktiraf sebagai bahasa dalam (bahasa Istana) atau bahasa kaum terpelajar di dalam masa Kerajaan Moghul memuncak tinggi.

Adakah seseorang daripada kita yang sanggup menunjukkan sepucuk surat yang telah ditulis oleh salah seorang daripada Maharaja-maharaja yang besar dengan bahasa Urdu seperti Oranjazib atau Shah Jehan atau Akbar atau pun Baber?

Saya tetap menegaskan dan sedia menentang sesiapa yang menidakkan bahawa bahasa istana yang pernah digunakan ialah bahasa Parsi dan kadang-kadang bahasa Turki.

Sesungguhnya saya telah membaca banyak buah pena Maharaja Awan Jazib yang semuanya tertulis di dalam bahasa Parsi yang indah, dan menjadi sebesar-besarnya dalil atas kebenaran segala apa yang saya katakan ini iaitu tatkala kita ziarah ke "Taj Mahal" dan membaca apa yang terukir pada makam Shah Jehan dan makam isterinya yang dikasihinya yang masyhur itu.

Demikian juga bahasa Parsi itu telah menjadi bahasa istana dan bahasa kaum terpelajar hingga kurun yang kesembilan belas. Sehingga wilayah Benggala yang jauh itu maka kaum terpelajarnya yang beragama Hindu pun telah menjadikan bahasa Parsi sebagai bahasa persuratan dan bahasa percakapan – bukannya bahasa Urdu.

Biarlah kita mengambil pendirian yang tegas dalam segala hakikat kebenaran yang telah ditunjukkan oleh sejarah. Bahasa Urdu yang sebenarnya telah menjadi bahasa orang-orang Islam di India ialah masa kedaulatan mereka mulai jatuh.

Pujangga-pujangga yang masyhur di dalam bahasa ini ialah mereka yang telah hidup di dalam peringkat ini (peringkat kejatuhan Islam di India). Tetapi di antara mereka dan yang termasyhur sekali ialah pujangga Muhammad Iqbal yang telah didorong oleh cita-cita hendak menghidupkan kemuliaan persuratan telah meninggalkan bahasa Urdu lalu mencurahkan rasa hatinya ke dalam bahasa Parsi.

Saya telah mendapat peluang menghadiri suatu perjumpaan

kerana menghormati pujangga Iqbal dikeluarkan oleh beberapa orang seperti Pendeta "Nicholsan" Iqbal sendiri telah berkata di majlis itu bahawa ianya telah menjadikan bahasa Parsi sebagai bahasa tempat mencurahkan rasa hatinya (syair-syairnya) kerana syair-syair Parsi adalah berkait terus menerus dengan kebesaran kerajaan Islam, bukan masa kejatannya.

Oleh yang demikian maka adakah bahasa yang telah timbul di dalam masa kejatuhan Islam hendak dijadikan bahasa kebangsaan ?...

Saya gemar hendak bertanya, adakah kiranya bahasa Urdu ini menjadi bahasa semula jadi bagi penduduk Pakistan zaman sekarang...? Adakah bahasa itu menjadi bahasa wilayah yang tinggal tempat tinggal jumlah yang terbaik sekali di antara penduduk Islam Pakistan.....? Adakah bahasa itu pernah tuan-tuan mendengarnya di jalan raya "Dhaka" atau Chitaggong? Adakah bahasa itu menjadi bahasa wilayah sempadan yang terletak di barat daya atau pun ianya menjadi bahasa penduduk wilayah "Sindh" atau Punjab ?

-----*-----*-----

Tiap-tiap seorang kanak-kanak Islam akan mempelajari al-Quran dengan bahasa Arab iaitu sama sahaja adakah ia penduduk "Dhaka" di Timur atau pun atau pun penduduk "Kuweta" di Utara. Ia akan mempelajari cara mengeja dengan bahasa Arab yang dengannya ia akan mempelajari al-Quran. Sebagaimana yang diketahui bahasa Arab ialah bahasa Islam. Al-Quran yang suci mulia diturunkan dalam bahasa Arab. Hadis-hadis nabi dalam bahasa Arab. Demikian juga kebudayaan Islam telah memuncak tinggi di Spain (Andalus) dengan bahasa Arab maka sudah semestinya anak-anak tuan-tuan semuanya mempelajari sebahagian daripada bahasa Arab pada tiap-tiap masa....?

Apabila kita menungkan perkara ini dari segi ilmu dan dari segi faedahnya apabila dikaitkan dengan dunia umumnya maka kita akan dapati bahawa pengambilan kita akan bahasa Arab sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja akan memberi peluang supaya kita dapat berhubung terus menerus dengan empat puluh million bangsa Arab yang sedang mendiami di sebelah

barat kita di dalam beberapa buah kerajaan yang merdeka, bahkan akan dapat mengukuhkan perhubungan kita dengan enam puluh million lagi yang menggunakan bahasa Arab dengan sepenuhnya dan tinggal hidup di dalam negara-negara yang belum mendapat kemerdekaan terutama di benua Afrika. Demikian juga di pantai benua itu yang menghala ke lautan Atlantik kita boleh dapati puak-puak terpelajar daripada penduduk negara-negara yang bertaburan di sepanjang-panjang pantai itu mengetahui bahasa Arab.

Segala yang dijelaskan ini bukan sahaja tertentu bagi penduduk negara-negara yang tersebut bahkan ada menjalar ke selatannya iaitu ke “Nigeria” dan “Gold Coast” serta ke seluruh tanah Sudan baik yang terletak di tepi sungai Nil atau yang sedang menderita di bawah penjajahan Perancis. Kita akan dapati di sana bahasa Arab tersiar dengan luasnya hingga kejajahan Portugis di barat Afrika. Dan juga kita akan dapati bahasa itu diketahui oleh penduduk-penduduk di Timur Afrika bukan sahaja di Zanzibar bahkan di seluruh kawasan Islam yang maha luas di antara Madagascar dan jajahan Portugis di Timur benua itu.

Kiranya kita berpaling ke Timur jauh bagi mengetahui kedudukan bahasa Arab di sana, maka kita akan dapati bahawa Islam telah berkembang dengan suburnya di antara di lapan puluh million penduduk Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu hingga Kepulauan Filipina. Di Ceylon penduduk Islamnya terutama puak yang berkehidupan lapang sangat memberati anak-anak mereka mempelajari bahasa Arab. Oleh itu maka tidakkah akan menjadi berfaedah bagi kerajaan Pakistan yang terletak di tengah-tengah dunia Islam menjadikan bahasa Arab itu bahasa kebangsaan daripada ianya memencilkan dirinya daripada dunia Islam dan mengambil suatu bahasa (yakni bahasa Urdu) yang telah sah diketahui bahawa wujudnya ialah dalam masa kejatuhan kedaulatan Islam di India? Sebagai penuntut maka bahasa Arab ialah bahasa Islam sedunia yang akan mempersatupadukan mereka, sedangkan bahasa Urdu hanya akan mencerikan dan memencilkan setengah dengan setengahnya.

Sekianlah saya berharap saudara-saudara saya orang-orang Pakistan memikirkan perkara ini dengan teliti sebelum mereka mengambil keputusan menjadikan bahasa Urdu itu bahasa rasmi. Bahaskanlah perkara ini masuk, dan berilah peluang kepada sesiapa yang hendak menyatakan fikirannya.

Sekali lagi saya berharap kepada mereka yang ucapan saya ini telah menyentuh perasaannya, moga-moga mereka akan mengambil pendirian cinta kepada Islam di dalam segala perbincangan mereka yang akan timbul dalam perkara ini supaya mereka mengiktiraf segala hakikat kebenaran dari segi sejarah dan dari segi keadaan yang sedang berlaku di dunia pada hari ini.

Saya berdoa ke hadrat Ilahi mudah mudahan akan diterangi penduduk negara ini dengan cahaya hikmat ketuhanan sebelum mereka mengambil kata pemutus di dalam perkara yang besar ertinya ini.

“Keadilan itu kubu yang tak dapat dikerumi oleh air, tak hangus dibakar oleh api, dan tidak boleh dihancurkan oleh meriam.” – kata Hakim

-----*-----*-----

Kamu semuanya anak Adam dan Adam itu dijadikan daripada tanah. Sesungguhnya hendaklah berhenti sepuak yang bermegah dengan ayah-ayah mereka, atau biarlah mereka jadi lebih hina daripada anak yang gemilang” – Hadis hasan diriwayatkan oleh al-Bazar.

-----*-----*-----

“Berjihadlah terhadap kepada kaum Musyrikin dengan harta kamu, diri kamu dan lidah kamu “ (Hadis Sahih Riwayat Ahmad” Abi Daud dan an-Nasaei).